

Perutusan 'Aidilfitri 1434 H

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah melimpahkan rahmatNya kepada kita dan dipanjangkan usia untuk menyambut Hari Raya 'Aidilfitri Tahun 2013 kali ini.

Sempena 'Aidilfitri yang penuh kemuliaan ini, marilah kita sama-sama saling memperteguh tali silaturahim di antara kita dengan saling maaf-bermaafan. Amalkanlah adab-adab yang baik untuk menyambut hari lebaran ini. Hidupkan malam 'Aidilfitri dengan takbir tanda syukur kepada Illahi. Tunaikanlah zakat fitrah, elakkan pembaziran dan jauhi segala perbuatan yang tidak baik serta sia-sia.

Kekalkanlah apa jua kebaikan yang diterapkan sepanjang bulan Ramadhan lalu ke dalam bulan Syawal nanti. Rasulullah S.A.W. mengajarkan kita satu amal yang sangat baik iaitu kita berpuasa enam hari di dalam bulan Syawal sebagai satu kesinambungan bahawa Islam tidak hanya mewajibkan puasa di bulan Ramadan semata-mata, bahkan Islam juga menganjurkan juga kepada kita supaya mendekati diri serta terus mengamalkan ibadah berbentuk puasa ini di dalam bulan Syawal. Begitu juga dengan amalan-amalan yang lain.

Sempena Hari Raya ini juga, saya menyeru kepada semua penunggang motosikal dan pemandu kenderaan supaya sentiasa bersabar dan memandu secara berhemah. Sebagai pengguna jalan raya, kemalangan boleh dielakkan sekiranya semua orang mengamalkan sikap bersabar, bertimbang rasa dan sentiasa mematuhi arahan keselamatan jalan raya. Marilah kita sama-sama berdoa agar semuanya selamat pulang ke kampung halaman masing-masing dan juga selamat kembali semula ke USIM nanti. Kembalilah dengan penuh semangat untuk meningkatkan keupayaan USIM ke arah kecemerlangan.

Akhir kalam, saya mewakili Pengurusan Tertinggi USIM ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya 'Aidilfitri khususnya kepada seluruh mahasiswa/i dan warga kerja Universiti Sains Islam Malaysia.

Salam 'Aidilfitri 1434 Hijrah. Maaf zahir dan batin.



PROFESOR DATO' DR. ASMA ISMAIL

Naib Canselor

Universiti Sains Islam Malaysia